

Malaysia, Turkiye kutuk bakar al-Quran

Anwar dan Erdogan turut kecam wacana populis menghasut ucapan kebencian terhadap Islam

NEW YORK

Malaysia dan Turkiye mengutuk keras pembakaran al-Quran serta wacana populis yang menghasut ucapan kebencian terhadap Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan dalam satu kenyataan bersama sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 pada Khamis, menyatakan kebimbangan terhadap kemunculan 'perkauman baharu' bercirikan xenofobia, profil negatif dan stereotaip terhadap umat Islam.

Kedua-dua pemimpin itu juga menyatakan kebimbangan mendalam mengenai trend peningkatan kebencian, sikap tidak bertoleransi, diskriminasi dan tindakan keganasan terhadap umat Islam serta kebencian di banyak bahagian dunia, terutama Eropah.

Mereka menyambut baik Resolusi Perhimpunan Agung 76/254 mengisytiharkan 15 Mac sebagai Hari Antarabangsa Memerangi Islamofobia.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju akan perbahasan segera semasa sesi ke-53 Majlis Hak Asasi Manusia PBB untuk



Anwar (kiri) bersalaman dengan Erdogan ketika mengadakan pertemuan dua hala sempena UNGA ke-78 di Turkish House, New York.

membincangkan peningkatan tindakan kebencian agama dirancang dan dilakukan secara terbuka seperti dimanifestasikan oleh penghinaan berulang-ulang terhadap al-Quran serta penerimaan resolusi mendefinisikan pembakaran kitab suci sebagai kebencian agama.

Pemimpin itu juga mengemukakan Resolusi Perhimpunan Agung 77/318 mengenai Mempromosikan Dialog Antara Agama dan Antara Budaya serta Toleransi dalam Menentang Ucapan Kebencian yang diterima pakai pada 25 Julai lalu.

Menurut kenyataan itu, Erdogan dan Anwar menekankan bahawa tindakan kebencian agama, perkauman, diskriminasi dan xenofobia sebagai ancaman terhadap keamanan dan menghasut budaya keganasan.

Pemimpin itu juga menyeru

semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan meningkatkan usaha menangani budaya itu mengikut prinsip hak asasi manusia antarabangsa.

Dalam usaha menangani ancaman Islamofobia dan perkauman, Anwar berkata, kedua-dua negara mencapai kesepakatan menerusi pelbagai langkah.

"Kita membincangkan sikap prasangka melampau terhadap Islam di Barat dan negara lain.

"Dalam pertemuan saya dengan Erdogan, kami bersetuju meningkatkan kerjasama dan strategi mengatasi masalah sedemikian," kata beliau sewaktu sidang akhbar di sini.

Menurut Anwar, Turkiye akan melaksanakan strategi itu di lokasi kegiatan berpusat di Eropah dan Timur Tengah, manakala Malaysia bertumpu di rantau Asia.

"Ada beberapa siri perundangan dianjurkan sebelum ini dan diteruskan. Perbincangan lanjut mengenai usaha menangani Islamofobia diteruskan semasa Erdogan melawat Malaysia Disember ini," katanya.

Anwar berkata, selain perundangan dan penerangan, penerbitan untuk menjawab prasangka serta sikap melampau terhadap Islam kepada masyarakat dunia juga akan dibuat.

"Antaranya penerbitan lebih 100,000 naskhah al-Quran yang diterjemah dalam pelbagai bahasa," kata Perdana Menteri.

Selepas pertemuan lebih 30 minit itu, kedua-dua pemimpin mengeluarkan kenyataan mengenai *Increasing Hatred, Intolerance, Discrimination and Acts of Violence Against Muslims and Their Sanctities*. - Bernama



Pelampau sayap kanan anti-Islam warga Denmark-Sweden, Rasmus Paludan bertindak membakar senaskhah al-Quran pada Januari lalu.